



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JRW 343/JRW 345 – Penyelidikan Pemasaran

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

SOALAN 1 [10 markah]

Terdapat **DUA (2)** sumber kepada masalah. Terangkan dengan terperinci kedua-dua sumber masalah tersebut. Berikan contoh yang bersesuaian.

SOALAN 2 [30 markah]

Analisa statistik dalam bidang penyelidikan pemasaran dapat dibahagikan kepada **LIMA (5)** jenis yang utama. Untuk setiap jenis analisa statistik tersebut, berikan penerangan, contoh dan ujian statistik yang berkaitan.

SOALAN 3 [60 markah]

- (a) Persampelan merupakan proses yang penting dalam penyelidikan. Terdapat **ENAM (6)** langkah dalam pembentukan pelan persampelan. Berdasarkan contoh, berikan penerangan proses pembentukan pelan persampelan.

(30 markah)

- (b) Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF), Universiti Sains Malaysia sedang menyediakan pelan perniagaan untuk tahun depan. MGTF telah meminta anda untuk menjalankan kajian bagi mendapatkan profil pengunjung dan kadar kunjungan bagi pusat pameran tersebut. Sebagai ketua pasukan penyelidikan, anda perlu menyediakan rangka pensampelan. Anda merancang untuk menggunakan reka bentuk pensampelan kebarangkalian.

Pemerhatian anda mendapati bahawa bilangan pengunjung adalah berbeza-beza. Pada hari biasa pengunjung adalah terutamanya pelancong luar negara. Pengunjung pusat pameran pada hujung minggu dan cuti umum pula terdiri daripada pengunjung tempatan dengan keluarga dan pelancong. Semasa cuti sekolah, pemerhatian mendapati sebahagian besar pengunjung adalah kanak-kanak sekolah. Jumlah pengunjung yang melawat MGTF tahun lepas adalah seramai 5,000 orang.

Nyata dan terangkan teknik pensampelan yang paling sesuai digunakan untuk kajian di atas.

(30 markah)